

Amaran untuk penjawat awam

KLUANG - Penjawat awam di negara ini diingatkan tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam dan menjejaskan ketenteraman serta keselamatan negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa turut menasihatkan penjawat awam di negara ini agar tidak menyertai Himpunan Bersih 4.0 yang akan diadakan pada 29 dan 30 Ogos ini kerana perhimpunan berkenaan mencemar imej negara.

Penjawat awam, katanya, tidak sepatutnya menyertai Himpunan Bersih 4.0 kerana tidak diketahui apa yang akan dilakukan oleh penganjurnya.

“Penjawat awam janganlah terlibat dengan perhimpunan tersebut. Jika ada penjawat awam yang terlibat, tindakan sewajarnya akan diambil

ke atas mereka,” katanya pada majlis ramah mesra Ketua Setiausaha Negara bersama penjawat awam negeri Johor di Dewan Jemerlang, Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (Ikwas) Kluang, semalam.

Menurutnya, amanah sebagai penjawat awam merupakan satu tanggungjawab yang sangat besar untuk dipikul kerana dibahu mereka bersandarnya harapan rakyat dan juga harapan pemimpin negara.

“Janganlah kita sesekali lupa dan ingkar kepada amanah ini kerana semua penjawat awam telah ikrar dan Aku Janji kepada kerajaan.

“Penjawat awam diingatkan untuk terus memberikan tumpuan dan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat selaras dengan Agenda Transformasi Nasional,” katanya.



Ali ketika bertemu pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Ariss Bendahara.

Dalam pada itu, Ali menegaskan, sejak kebelakangan ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini mewujudkan fenomena dunia tanpa sempadan

termasuk maklumat tanpa tapisan yang disebar luas dan dikongsi melalui laman sosial *Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya.

Menurutnya, dalam kita

aktif menggunakan media baru itu, penjawat awam harus sedar bahawa terdapat banyak penipuan dan pembohongan yang disebar.

“Sebagai penjawat awam,

kita seharusnya sedar dan bertanggungjawab terhadap apa yang kita sebar di alam maya atau *cyberspace*. Kita seharusnya dapat menilai dengan bijak dan merujuk kesahihan maklumat tersebut daripada pihak berkaitan bagi mengelakkan penyebaran berita palsu dan fitnah.

“Sejak kebelakangan ini, kita lihat terdapat banyak maklumat dan dokumen rahsia kerajaan disebar melalui media sosial. Perkara ini tidak harus berlaku kerana ia melibatkan hal-hal yang masih (dalam) pertimbangan kerajaan dan bukan (untuk) tatapan umum.

“Ini menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan. Perkara ini amat serius dan kerajaan akan ambil tindakan tegas terhadap penjawat awam yang didapati membocorkan rahsia-rahsia kerajaan (mengikut) Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972,” katanya.